

PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI
MATAPELAJARAN KARTOGRAFI BAGI KURSUS UKUR TANAH
DI POLITEKNIK UNGKU OMAR.

NAFICAH BINTI HARUN

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSIEN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00071110 5

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA

JUDUL: PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI MATAPELAJARAN
KARTOGRAFI BAGI KURSUS UKUR TANAH DI POLITEKNIK UNGKU
OMAR.

SESI PENGAJIAN: 2003 / 2004

Saya : NAFISAH BINTI HARUN (780702-10-5406)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Projek Sarjana adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Projek Sarjana ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI, 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap:
NO, 9 TAMAN KOPI,
JALAN LAKSAMANA, 36000 TELUK
INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN.

Tarikh : SEPTEMBER 2003

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

PN. YUSMAWATI BINTI YUSOF

Nama Penyelia


Tarikh : SEPTEMBER 2003

CATATAN :

- * Potong yang tidak berkenaan.
- ** Jika Projek ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh Projek ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
Projek ini dimaksudkan sebagai Projek bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

PENGESAHAN PENYELIA

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan kajian Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Tandatangan : 
Nama penyelia : ~~Rosnawati binti Yusof~~
Tarikh : Pensyarah
Jabatan Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

PENGHASILAN MODUL PENGAJARAN KENDIRI
MATAPELAJARAN KARTOGRAFI BAGI KURSUS UKUR TANAH
DI POLITEKNIK UNGKU OMAR.


NAFISAH BINTI HARUN

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

SEPTEMBER 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : Nafisah Binti Harun
Tarikh : 03-10-2003

DEDIKASI

Khas buat ayah dan emak tersayang, kakak, adik-adik, orang tersayang, orang perseorangan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dan rakan-rakan seperjuangan... ..

Terima kasih di atas segala-galanya.

SEKALUNG PENGHARGAAN

Assalamualaikum...Segala puji bagi ALLAH S.W.T. Tuhan yang menciptakan seluruh alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar NABI MUHAMMAD S.A.W. serta keluarga dan para sahabat Baginda sekalian. Sekali lagi Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya membolehkan penulis menyiapkan Projek Sarjana ini pada masa yang ditetapkan. Akhirnya Projek Sarjana ini dapat disiapkan walaupun tidak sebaik mana.

Di sini penulis ingin mengambil kesempatan untuk menyampaikan jutaan terima kasih kepada kesemua orang perseorangan yang terlibat. Terutamanya kepada penyelia Puan Yusmawati Binti Yusof yang banyak membantu dari pelbagai sudut, Tuan Haji Kamaruddin Bin Khalid dan Tuan Haji Salleh Bin Tahar. Juga kepada Dr. Wahid Razzaly, Tuan Haji Yusof Hadi dan pihak Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak. Tidak lupa kepada semua rakan-rakan yang memberi sumbangan, sokongan dan dorongan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini iaitu Hasniza, Jamaayah, Norazila, Rozaini, Puan Nurhidayah, Encik Ishak dan rakan lain.

Paling penting sekali diucapkan terima kasih kepada ibubapa penulis iaitu Tuan Haji Harun Bin Malik, Puan Samsidar Binti Mohd Ariff dan juga keluarga yang banyak memberikan sokongan moral. Semoga ALLAH S.W.T. membalas jasa kalian. Sesungguhnya, segala yang baik itu datangnya dari ALLAH S.W.T. dan yang buruk itu datangnya dari kesilapan penulis sendiri. Sekian, Terima Kasih. Wassalam.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri bagi Topik Simbol matapelajaran Kartografi dan mengenalpasti maklumbalas pelajar terhadap Modul Pengajaran Kendiri yang dihasilkan. Ia meliputi empat bahagian utama iaitu Objektif Pembelajaran, Mesra Pengguna, Motivasi dan Aktiviti-Aktiviti. Responden yang dipilih terdiri daripada pelajar semester 3 Diploma Ukur Tanah di Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak. Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah tinjauan dan menjadikan soal selidik sebagai instrumen utama. Seramai 40 sampel pelajar diambil untuk mewakili pelajar semester 3 Diploma Ukur Tanah Politeknik Ungku Omar. Data-data kajian diproses menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science versi 11.0*. Kaedah analisis yang digunakan adalah kaedah analisis statistik deskriptif. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan penghasilan Modul Pengajaran Kendiri matapelajaran Kartografi bagi Topik Simbol menarik minat pelajar-pelajar dan mendapat maklumbalas yang positif dari pelajar-pelajar Diploma Ukur Tanah semester 3 di Politeknik Ungku Omar. Ia ditunjukkan dari hasil analisis terhadap skor min dan sisihan piawai setiap bahagian. Modul Pengajaran Kendiri ini diharap dapat dimurnikan dengan lebih baik untuk kegunaan pelajar khususnya pelajar Diploma Ukur Tanah pada masa akan datang.

ABSTRACT

The research was done to produce a Self Learning Module for the subject Cartography and to identify the students feedback regarding this module. It consist of four main parts which includes the learning objective, user friendly, motivation and activities. The respondents are third semester students who are taking up a Diploma course in Land Survey in Ungku Omar Polytechnic Perak. This is a survey research and questionnaire is the instrument in this research. Fourty students were taken as the sample for this research. Data collected was processed using *Statistical Package For Social Science version 11.0*. On the whole this research has got a positive remark from the respondents and it can be accepted by them. The findings were shown in the form of score min and deviants according to each part. The researcher hopes the Self Learning Module can further be improvised in time to come.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	AKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENGENALAN	
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Persoalan Kajian	7

1.5	Batasan Kajian / Skop Kajian	7
1.6	Kerangka Kerja	8
1.7	Definisi istilah	9

BAB 2 SOROTAN PENULISAN

2.0	Pendahuluan	11
2.1	Modul	12
2.2	Modul Pengajaran Kendiri	12
2.3	Pengajaran Bermodul	13
2.4	Kepentingan Pengajaran Bermodul	14
2.5	Kekurangan Pengajaran Bermodul	15
2.6	Tujuan Pengajaran Bermodul	16
2.7	Peringkat Penggunaan Modul	16
2.8	Rasional Pengajaran Bermodul	17
2.9	Pengajaran Bersifat Individu	17
2.10	Pembelajaran Masteri (PM)	18
2.11	Pembelajaran Kadar Kendiri (PKK)	18
2.12	Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	19
2.13	Pembelajaran Akses Kendiri (PAK)	20
2.14	Kajian-Kajian Lepas	21
2.15	Rumusan dan Komen	22

BAB 3 PROSEDUR DAN METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	23
3.1	Rekabentuk Kajian	24
3.2	Populasi dan Sampel Kajian	25

3.3	Sumber Data	26
3.4	Responden	26
3.5	Instrumentasi	27
3.6	Prosedur kajian	28
3.7	Kajian Rintis	29
3.8	Analisis Data	30
3.9	Kerangka Operasi	33
3.10	Had Kajian	34

BAB 4 REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.0	Pendahuluan	35
4.1	Kandungan Modul	36
4.2	Analisis Penggunaan Produk	36
4.3	Rekabentuk Produk	37
4.5	Ciri-Ciri Utama Modul	37
4.6	Rekabentuk Modul Bercetak	38
4.7	Pembangunan Produk	39
4.8	Kos Pembangunan Produk	40
4.9	Permasalahan Penghasilan Produk	41

BAB 5 ANALISIS DATA

5.0	Pendahuluan	42
5.1	Kajian Rintis	43
5.2	Bilangan Responden	43
5.3	Analisis Borang Soal Selidik	43
5.4	Bahagian A : Latar Belakang Responden	44

5.5	Biodata Responden	44
5.6	Latar Belakang Responden Mengikut Jantina	44
5.7	Latar Belakang Responden Mengikut Umur	45
5.8	Latar Belakang Responden Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi	46
5.9	Bidang Pengkhususan Responden	47
5.10	Bahagian B : Soal Selidik	48
5.11	Analisis Komen Soal Selidik	57
5.12	Kesimpulan	58

BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.0	Pendahuluan	59
6.1	Kesimpulan Dapatan Kajian	59
6.2	Komen dan Cadangan	66

RUJUKAN 68

SENARAI JADUAL

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
3.0	Bilangan Populasi dan Sampel	25
3.1	Spesifikasi Skala Likert dalam soal selidik	28
3.2	Tahap Skor Min	31
3.3	Jadual Tafsiran Min	32
4.0	Menunjukkan Kos Secara Kasar Mengenai Penghasilan Produk	40
5.0	Peratusan Jantina Responden	45
5.1	Peratusan Umur Responden	45
5.2	Menunjukkan Kelulusan Akademik Tertinggi Responden	46
5.3	Peratusan Kelayakan Akademik Tertinggi	47
5.4	Menunjukkan Peratus Setiap Skala, Skor Min dan Sisihan Piawai Untuk Bahagian 1	48
5.5	Menunjukkan Peratus Setiap Skala, Skor Min dan Sisihan Piawai Untuk Bahagian 2	50
5.6	Menunjukkan Peratus Setiap Skala, Skor Min dan Sisihan Piawai Untuk Bahagian 3	53
5.7	Menunjukkan Peratus Setiap Skala, Skor Min dan Sisihan Piawai Untuk Bahagian 4	55
5.8	Menunjukkan Komen Keseluruhan Responden	57
6.0	Menunjukkan Min Purata Keseluruhan Bahagian yang Terlibat	63

SENARAI RAJAH

NO.	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	Kerangka Kerja Kajian	8
2.1	Pembelajaran Masteri (PM)	18
2.2	Pembelajaran Terarah Kendiri (PTK)	20
3.0	Kerangka Operasi	33
5.0	Peratus Kecenderungan Bahagian 1	49
5.1	Peratus Kecenderungan Bahagian 2	51
5.2	Peratus Kecenderungan Bahagian 3	54
5.3	Peratus Kecenderungan Bahagian 4	56

SENARAI SINGKATAN

KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn
MPK	-	Modul Pengajaran Kendiri
PAK	-	Pembelajaran Akses Kendiri
PM	-	Pembelajaran Masteri
PKK	-	Pembelajaran Kadar Kendiri
PTK	-	Pembelajaran Terarah Kendiri
PUO	-	Politeknik Ungku Omar
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Packages For Social Science

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Soal Selidik	73
B	Analisis Setiap Bahagian	74
C	Kajian Rintis	75
D	Modul Pengajaran Kendiri	76

BAB 1

Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Dewasa ini, dunia pendidikan berkembang pesat selari dengan perkembangan semasa di dunia. Paling utama dalam dunia pendidikan, apabila kaedah pengajaran dan pembelajaran di Malaysia khususnya di Politeknik banyak mengalami perubahan. Proses pembelajaran dan pengajaran semakin diperbaiki selari dengan perkembangan dunia pendidikan. Seajar dengan itu Pendidikan Teknik dan Vokasional tidak harus ketinggalan dalam memperbaiki mutu pengajaran dan pembelajaran. Salah satunya adalah memfokuskan kepada keperluan pengajaran bermodul yang mana amat perlu dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran berjalan dengan lebih baik.

Selaras dengan perkembangan pembangunan di Malaysia dan gelombang globalisasi yang semakin mengancam setiap aspek kehidupan, di mana melibatkan secara langsung situasi yang perlu dihadapi oleh bakal-bakal graduan Ukur Tanah dalam mengemblem pembangunan negara, maka dalam mencapai matlamat melahirkan bakal juruukur atau apa sahaja yang melibatkan ilmu ukur tanah memerlukan persediaan dari segi jasmani, emosi rohani dan intelektual yang seimbang dan mantap. Justeru para

mahasiswa perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang seimbang hasil dari proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Menurut Shaharom Noordin dan Yap Kueh Chin (1993) dalam Nurul Hayati (2002), dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sebenar, para pelajar biasanya terikat pada urutan pengajaran dan pembelajaran yang sama seperti yang dialami oleh rakan mereka yang lain. Akibatnya pelajar yang kurang berkeupayaan dan kurang kebolehan kognitifnya sentiasa mengalami kesulitan kerana tidak dapat menyaingi pelajar lain di samping tidak dapat memenuhi kehendak pensyarah.

Masalah yang timbul dapat dikurangkan dengan menggunakan bahan yang sesuai dengan suasana pembelajaran iaitu sistem pengajaran bermodul. Maka, kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat maklumbalas pelajar terhadap penggunaan pengajaran bermodul. Di sini, secara langsung dapat melihat satu proses pembelajaran yang teratur dan bersistem. Justeru, sejak kebelakangan ini, berbagai-bagai langkah telah diambil untuk mengembangkan potensi individu pelajar seperti yang tercatat dalam Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990).

Dalam merealisasikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, modul yang akan dibina, sedikit sebanyak dapat membantu pencapaian pelajar yang lebih baik. Ini kerana modul yang berkonsepkan Modul Pengajaran Kendiri memfokuskan pengajaran sendiri ataupun pengajaran bersifat individu. Malahan ekoran dari pengajaran menggunakan bahan Modul Pengajaran Kendiri ini, ia mempunyai langkah-langkah yang lebih bersistem dan mudah. Secara langsung membolehkan seseorang pelajar belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing. Di sini dapat dilihat bahawa bahan ini dapat memberikan keyakinan diri dan dapat mendorong kejayaan setiap pelajar termasuklah pelajar yang kurang cekap. Malahan dari keadaan yang berlaku ini akan mendatangkan kepuasan dan seterusnya menjadi penggerak seseorang untuk maju dalam pelajaran.

Dalam kajian ini, bahan Modul Pengajaran Kendiri adalah bertumpu kepada salah satu matapelajaran Kartografi dengan memberi tumpuan hanya kepada Topik Simbol sebagai permulaan kajian untuk pelajar Diploma Ukur Tanah di Politeknik Ungku Omar.

Modul ini dibina dan dihasilkan melalui perancangan yang teliti terhadap objektif utama yang mesti dicapai oleh pelajar.

1.1 Latar Belakang Masalah

Para pendidik sentiasa mencari asas yang sesuai untuk membuat keputusan tentang cara pengajaran harus yang disusun supaya pembelajaran dapat berlaku dengan berkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu dipelbagaikan untuk menarik minat pelajar menguasai sesuatu matapelajaran dengan lebih baik.

Ekoran daripada itu, para pendidik sememangnya sedar akan kewujudan perbezaan individu di kalangan pelajar termasuk dari segi minat terhadap mata pelajaran, latar belakang, gaya belajar, nilai, motivasi, sikap dan sebagainya dari dulu dan kini. Maka dalam apa jua keadaan kebanyakan pendidik mampu menangani masalah yang dialami oleh pelajar dalam proses pembelajaran. Tetapi, dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang hakiki, pelajar masih terikat dengan turutan pengajaran dan bahan pembelajaran yang sama seperti sebelumnya.

Maka pendidik boleh menangani masalah ini dengan mengindividukan pengajaran menerusi pengubahsuaian yang dilakukan terhadap bahan dan aktiviti pembelajaran yang sesuai mengikut keperluan pelajar.

Langkah yang sesuai diambil di antaranya adalah dalam usaha mengindividukan pengajaran dengan menggunakan Modul Pengajaran Kendiri. Langkah ini akan memudahkan kelenturan dari segi pemilihan dan penggunaan bahan pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini akan memberikan para pelajar sedikit ruang 'kebebasan' untuk meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kebolehan dan gaya masing-masing dalam menyudahkan aktiviti pembelajaran yang terkandung dalam sesuatu modul

berkenaan agar bahan pembelajaran tersebut telah dikuasai dengan baik (Shaharom, 1990).

Melalui latar belakang ini, pelajar-pelajar Diploma Ukur Tanah di Politeknik Ungku Omar perlu diberikan pembaharuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka iaitu dengan mendedahkan mereka kepada pembelajaran bermodul dari salah satu matapelajaran mereka iaitu matapelajaran Kartografi. Sebagai seorang Juruukur yang mahir dalam menghasilkan peta yang betul dan lengkap, maka melalui sistem pembelajaran bermodul ini dapat memberikan satu teknik pembelajaran yang baik dan dapat diamalkan dan diaplikasikan dengan sempurna dalam institusi pekerjaan kelak.

Pengkaji menjalankan kajian di Politeknik Ungku Omar (PUO) sahaja kerana Politeknik Ungku Omar boleh mewakili Politeknik lain di Malaysia, kerana PUO mempunyai ciri-ciri yang boleh disamakan dengan Politeknik lain dari segi syarat kemasukan pelajar, piawai pengajaran, sistem pembelajaran, semester pembelajaran, jumlah jam kredit bagi mata pelajaran dan juga kelayakan pensyarah mengajar adalah sama dengan Politeknik lain di Malaysia.

Malahan disebabkan kekangan masa menghadkan kajian dilakukan di sebuah Politeknik sahaja. Tambahan penyediaan kursus Ukur Tanah amat terhad dan Politeknik Ungku Omar merupakan Politeknik pertama yang menawarkan kursus ini.

Penghasilan modul dijalankan kerana tindakbalas dari hasil temubual yang dijalankan secara tidak langsung dengan tenaga pengajar Politeknik dan beberapa orang pelajar. Hasil dari temubual didapati, pelajar kurang berminat menguasai mata pelajaran Kartografi yang lebih menjurus kepada aspek teori. Malahan nota pengajaran dan pembelajaran bercetak yang sedia ada masih belum dipelbagaikan dan belum ada nota yang berbentuk secara sendiri. Di sini Modul Pengajaran Kendiri berfungsi sebagai mempelbagaikan sumber rujukan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara sendiri. Proses pengajaran dan pembelajaran sendiri secara langsung membantu proses pengajaran dan pembelajaran sedia ada untuk berjalan lebih baik. Ini dapat membantu dan memudahkan pelajar belajar secara sendiri selain dari bimbingan pengajar.

Pelajar-pelajar juga didapati masih belum menjumpai mana-mana modul yang berbentuk sendiri ini.

Temubual yang dijalankan mendapati Modul Pengajaran Kendiri masih belum dibangunkan dan keperluan untuk mempelbagaikan sumber rujukan seperti Modul Pengajaran Kendiri ini dalam pengajaran dan pembelajaran amat dialu-alukan.

1.2 Pernyataan Masalah

Penghasilan modul pengajaran sendiri harus diberi perhatian yang serius kerana melalui beberapa kajian yang berkaitan modul pengajaran sendiri dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Tambahan lagi boleh dijadikan asas ke arah pendidikan berasaskan pendidikan yang berketerampilan. Ini kerana para pendidik perlu memahami pengajaran yang berkesan di samping memilih dan menguasai pengajaran yang sesuai bagi membantu pelajar belajar dengan berkesan. Ini disokong dengan beberapa kajian yang telah dilakukan ke atas modul yang dihasilkan berjaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Ini termasuk dari sikap pelajar serta beberapa aspek lain yang mempengaruhinya (Shaharom, Chin Y.K.,1993).

Ekoran dari itu beberapa permasalahan kajian dikenalpasti dalam membina dan menghasilkan modul pengajaran sendiri ini. Antara permasalahan kajian utama yang dikenalpasti ialah:

- i. Melalui kajian pengkaji pengajaran bermodul di Politeknik masih diperingkat yang belum diperluaskan. Dan, pengkaji telah memfokus kepada pelajar Diploma Ukur Tanah di mana belum ada Modul Pengajaran Kendiri untuk matapelajaran Kartografi. Pengkaji berpendapat untuk menghasilkan satu Modul Pengajaran Kendiri bagi matapelajaran tersebut untuk membantu

proses Pengajaran dan Pembelajaran Diploma Ukur Tanah Semester 3 di Politeknik Ungku Omar.

- ii. Untuk memperolehi proses Pengajaran dan Pembelajaran yang lebih baik perlu dikenalpasti kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan pembelajaran pelajar agar penggunaan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran yang terbaik dapat digunakan. Ini kerana bersesuaian dengan matapelajaran Kartografi yang memerlukan penghasilan modul pengajaran sendiri disebabkan matapelajaran ini memerlukan bahan pelajaran yang pelbagai dan menarik untuk digunakan. Ini dapat mengelakkan kebosanan pelajar terhadap matapelajaran ini yang lebih tertumpu kepada teori.

1.3 Objektif Kajian

1.3.0 Objektif Am

Melalui kajian ini adalah diharapkan dapat memberi gambaran kepada pelajar dalam menggunakan Modul Pengajaran Kendiri untuk kegunaan sebagai nota pelajar.

1.3.1 Objektif Khusus

- i. Menghasilkan Modul Pengajaran Kendiri bagi matapelajaran Kartografi untuk pelajar Diploma Ukur Tanah Semester 3 di Politeknik Ungku Omar.
- ii. Mengenalpasti maklumbalas pelajar terhadap Modul Pengajaran Kendiri.